

Analisis Rahsia Sumpah Allah SWT Dengan Masa Dalam Surah Ad-Dhuha

Abdulloh Salaeh

Email:Abdulloh@usim.edu.my

Syed Najihuddin Syed Hassan, Amran Abdul Halim, Ahmad Kamel Mohamed, Mohd Zohdi Mohd Amin, Nidzamuddin Zakaria, Norhasnira Ibrahim, Kauthar Binti Abd Kadir

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Abstrak

Quran adalah kalam Allah yang menjadi pedoman dalam hidup ini. Salah satu gaya bahasa yang ditunjukkan oleh Allah SWT dalam menyampaikan risalah suci-Nya dalam Quran adalah surah yang panjang dan ada surah yang pendek. Seseengah surah pula dimulakan dengan menggunakan qasam atau sumpah. Adakala Allah bersumpah dengan zat-Nya, bersumpah dengan rasul-Nya dan sumpah dengan makhluk-Nya. Mengapa Allah SWT bersumpah serta apakah rahsia dan manfaat sumpah yang terkandung dalam Quran? Objektif kertas kerja ini ialah untuk mengkaji tentang sumpah Allah SWT berkaitan garis masa dalam Quran khususnya Surah Ad-Dhuha. Kajian kepentingan masa serta rahsiannya yang tersirat dalam surah ini. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif yang menganalisis segala maklumat yang diperolehi daripada kitab tafsir muktabar seperti tafsir al-Tabari, Ibnu Kathir, al-Qurtubi dan lain-lain. Hasil kajian ini mendapati bahawa Allah SWT bersumpah dengan masa yang tertentu dengan tujuan yang tertentu. Seterusnya, akan dikaitkan dengan isu-isu semasa yang berkaitan memandangkan kebanyakan masyarakat awam hidup dalam nikmat yang diabaikan iaitu nikmat waktu dhuha. Ini kerana kesan dan pengaruh media sosial seperti Facebook, Instagram, Whatsapp, Youtube dan sebagainya. Kesibukan dengan perkara tersebut menyebabkan generasi masa kini menjadi kurang berminat kepada agama dan membawa kepada kedaifan iman seseorang. Justeru, masyarakat awam perlu mempelajari dan memahami Quran dengan sebenar-benarnya agar dapat meningkatkan tahap keimanan dan mencapai redha Allah SWT.

Kata Kunci: Rahsia Sumpah, Garis Masa, Surah Ad-Dhuha

1. PENDAHULUAN

Sumpah adalah perkara penting dalam Islam dan juga dengan sumpah dapat menguatkan kalam atau menghilangkan keraguan dalam diri sendiri. Menurut Ilma Amalia (2023) Aqşam al-Quran adalah salah satu isyarat di dalam al-Quran yang menggambarkan keluasan ilmu yang bisa kita perolehi dari setiap lafaz dalam ayat-ayat Al-Quran, kerana salah satu fungsi dari Aqşam Al-Quran adalah untuk menghilangkan keraguan dalam diri kita atas kebenaran yang

disampaikan oleh Al-Quran yang agung, dan apabila manusia bercakap apa-apa sahaja dan berjanji supaya orang mendengar dan menerima perkataannya maka digunakan pelbagai cara setengahnya menggunakan kalimah sumpah. Menurut Nurul Huda (2022) mengatakan “apabila bercakap, berjanji atau melafazkan slogan, mereka sentiasa menguatkannya dengan pelbagai cara, khususnya nazar. Kerana, hanya dengan iringan sumpah, pendengar akan tetap menerima dan mempercayai hujah yang ditawarkan”

“Masa” pula dianggap penting dalam kehidupan kita. Menurut Dr. Muhammad al-Amin Khuwailid (2017) “masa” itu tersangat penting sehinggakan Allah SWT menyebut dan bersumpah di dalam Quran di pelbagai ayat dan surah seperti sumpah dengan masa dalam surah al-Asr, surah al-Lai dan ada juga Allah SWT bersumpah dengan waktu siang dan malam, sumpah dengan tahun dan lain lain. Ini memberi kefahaman kepada kita bahawa waktu dan masa itu sangat penting. Begitu juga masa ketika sihat dan ketika masa lapang sebagai mana sabda Rasulullah SAW:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ "نِعْمَتَانِ مَعْبُودٌ فِيهِمَا كَثِيرٌ
مِنَ النَّاسِ الصِّحَّةُ وَالْفَرَاغُ".

Terjemahan :

Daripada Ibn ‘Abbās, katanya: “Telah bersabda Rasūlullāh SAW : Dua nikmat yang kebanyakan manusia kerugian tentangnya, ialah nikmat kesihatan dan kelapangan masa. (Hadith Riwayat al-Bukhari)

Hasil dari perbincangan tadi menunjukkan bahawa kalimah (sumpah atau *qasam*) adalah satu kalimah dan kalimah (masa) ini satu kalimah. Apabila bercampur kedua-dua maka memberi makna yang tersirat. Oleh itu apabila kita lihat dalam Quran beberapa banyak ayat-ayat Allah SWT bersumpah mengaitkan dengan “masa” memberi erti bahawa sangat pentingnya “masa” dalam kehidupan kita. Oleh yang demikian sebagai hamba, jangan kita lupa walaupun satu saat kepada Allah SWT. FirmanNya:

فَاذْكُرُونِي أَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لِي وَلَا تَكْفُرُونِ

Maksudnya:

Karena itu, ingatlah kamu kepada-Ku niscaya Aku ingat (pula) kepadamu, dan bersyukurlah kepada-Ku, dan janganlah kamu mengingkari (nikmat)-Ku. (surah al-Baqarah ayat 152)

2. PENGERTIAN SUMPAH DAN MASA (ZAMAN)

2.1 Pengertian sumpah

Adapun pengertian sumpah sebagaimana yang dijelaskan oleh Fairuzabadi (t.t) dalam kamusnya, asal perkataan sumpah dalam bahasa arab daripada perkataan (ق-س-م) yang bererti *yamin*,

iaitu membahagikan sesuatu dengan adil seperti membahagikan sesuatu di antara isteri dengan adil (Ahmad b. 'Umar al-Shatiri. t.t). dan juga menurut Ibnu Manzur (t.t) dalam *Kamus Lisan al-Arab*, beliau berpendapat bahawa makna sumpah bermaksud mereka itu di atas haknya dan mengambil ia akannya. Dapat dirumuskan bahawa *qasam* itu makna *yamin* dan sumpah. Abdulloh Salaeh, Amran Abdul Halim. (2019).

2.2 Pengertian zaman atau masa

Masa adalah linear dan sebahagian dari struktur asas alam semesta, satu matra berlakunya peristiwa dalam rangkaian, dan masa itu sendiri adalah sesuatu yang boleh diukur. (<https://educalingo.com/ms/dic-ms/mas>).



Masa dengan menggunakan jam

Menurut *al-Khalīl ibn Aḥmad Al Farahid* (t.t h.195) “zaman dan zama’an makna yang sama sahaja dan bererti panjang atasnya oleh “masa” dan menurut *Ibnu Faris* (t.t, 439) bahawa zaman ialah *al hin* (الحين) sama ada sedikit atau banyak. *Firman Allah SWT:*

هَلْ أَتَى عَلَى الْإِنْسَانِ حِينٌ مِّنَ الدَّهْرِ لَمْ يَكُنْ شَيْئًا مَّذْكُورًا

Maksudnya:

Bukankah telah belaku kepada manusia satu ketika dari masa, sedang ia masih belum wujud lagi dan tidak menjadi sesuatu benda yang disebut- sebut (surah al insan ayat 1).

Menurut *Muhammad bin Jarir al-Tabari* (t.t, h 5). Zaman ialah *saah* atau masa seperti malam, siang, sama ada masa itu panjang atau pendek daripadanya.

Masa adalah kurniaan daripada Allah firman Allah SWT:

Maksudnya:

Dan Kami jadikan malam dan siang itu dua tanda (yang membuktikan kekuasaan kami), maka Kami hapuskan tanda malam itu (sehingga menjadi gelap-gelita), dan Kami jadikan tanda siang itu terang-benderang supaya kamu mudah mencari rezeki dari limpah kurnia Tuhan kamu, dan supaya kamu mengetahui bilangan tahun dan hitungan hisab (bulan dan hari); dan (ingatlah) tiap-tiap sesuatu (yang kamu perlukan untuk dunia dan agama kamu), Kami telah menerangkannya satu persatu (dalam Al-Quran) dengan sejelas-jelasnya. (Surah al-Israa ayat 12)

Walau bagaimanapun masa itu penting sangat menurut Anas Mohd Yunus dll (2009, h160) bahawa bahawa kita akan ditanya tentang masa, ke mana kita menghabiskannya. Berkata pepatah arab

الوقت كالسيف إذا لم تقطعه يقطعك

Maksudnya:

Masa seumpama pedang, jika kamu tidak memenggalnya ia akan Memengalmu.

Dapat di rumuskan diatas bahawa ini menunjukkan bagaimana masa harus dihargai kerana jika masa terlepas, ia akan menghilangkan banyak perkara dalam kehidupan kita.

2.3 Unit-Unit Dalam Masa

Setengah daripada ukuran asas bagi masa ialah saat, minit, jam, hari, minggu, bulan, tahun, dekad dan abad.

60 Saat	⇒	1 Minit
60 Minit	⇒	1 Jam
24 Jam	⇒	1 Hari
7 Hari	⇒	1 Minggu
30 hari	⇒	1 Bulan
4 Minggu	⇒	1 Bulan
365 Hari	⇒	1 Tahun
366 Hari	⇒	1 Tahun Lompat
52 Minggu	⇒	1 Tahun
12 Bulan	⇒	1 Tahun
10 Tahun	⇒	1 Dekad
100 Tahun	⇒	1 Abad

2.4 Alat Untuk Mengukur Masa

Alat yang boleh mengukur masa: Jam randik, menurut Shandyani Mahendran¹ dll (2022) jam randik satu alat nak mengukor atau merupakan cara atlet mengubah kedudukan dengan cepat dalam larian. jam randik digital mahupun jam tangan digital. Menggunakan jam tangan atau jam dinding untuk mengukur masa dalam kehidupan seharian, Kalendar dan alat ini selalunya digunakan untuk mengukur tempoh masa yang panjang seperti minggu, bulan dan tahun.

3. BAHAGIAN SUMPAH (QASAM) DAN MASA DALAM AL-QURAN

Huruf-huruf al-Qasam

Al-Qasam selalu menggunakan huruf-huruf tertentu yang disebut '*adawat al-qasam*', (Muhammad bin:1972:68) yakni *ba*', *waw* dan *ta*'. Secara kuantitas, menurut analisis Ibn Qayyim al-Jauziyyah, huruf *waw* paling sering digunakan sebagai perangkat sumpah dalam al-Quran dibanding dua huruf lainnya. (Ibn Qayyim al-Jauziyyah:7-8)

Hal yang juga penting diketahui sebenarnya, apakah huruf-huruf *al-qasam* (*adawat al-qasam*) memiliki kekuatan sumpah berlainan atau justeru setara? Untuk menjawab persoalan ini, penulis telah berupaya melakukan penelusuran dalam kitab-kitab ilmu tafsir klasik. Tapi tampaknya tidak ada (atau sebenarnya ada, tapi berkemungkinan penulis tidak menemuinya) kitab ilmu tafsir yang secara spesifik mengulas persoalan ini. Ini tentu saja menyebabkan pembahasan isu ini terhenti dan harus kembali langsung kepada ayat-ayat al-Quran terkait. Walaupun begitu ianya tidak mudah.

Memang ada beberapa komentar yang menyatakan bahawa penggunaan huruf *ta*' itu memiliki nilai lebih berat timbangan kedua huruf *al-qasam* lainnya, yakni *ba*' dan *waw*. Tapi apakah kesimpulan ini bisa dipertanggungjawabkan. Nampaknya ia masih perlu dikaji lebih dalam lagi. Kenapa? Jika memang huruf *ta*' memiliki bobot paling berat, mengapa dalam bersumpah Allah SWT justeru tidak banyak menggunakan huruf ini? Mengapa Allah SWT, seperti dikatakan Ibn Qayyim al-Jauziyyah paling banyak menggunakan huruf *waw* dan kemudian *ba*'? Di kesempatan lain penulis akan berusaha menggali persoalan ini secara lebih dalam, insya Allah.

4.0 PEMBAHASAN

4.1 SURAH AL-DHUHA DAN KANDUNGANNYA

Surah al-Dhuha ini mengandungi sebelas ayat dan ianya turun di Mekah. Imam Jalal *al-Din al-Suyuti* (t.t) menjelaskan bahawa tatkala turun ayat ini Nabi Muhamad SAW mengucap takbir, dan menurut Helmun Jamil (2022) bahawa Surah al-Dhuha disepakati oleh ulama sebagai surah yang turun sebelum Nabi SAW berhijrah ke Madinah. Konteks turunnya surah Al-Dhuha ialah ketika Nabi SAW merasai kesukaran kerana besarnya cabaran awal dakwah tauhid kepada

Quraisy Mekah. Dalam kitab riwayat hidup Nabi Muhammad SAW ada dinyatakan bahawa Nabi SAW menunggu hidayah Allah, akan tetapi wahyu belum turun. Akhirnya timbul perasaan takut ditinggalkan Allah, lebih-lebih lagi Khadijah yang selalu menyokongnya juga beranggapan mungkin Allah tidak lagi menyukai Rasulullah. (Nur Aida, 2023, h 119).

Dalam Surat Ad Dhuha memiliki 3 perkara yang penting seperti di bawah:-

- 1- Erti waktu dhuha, yaitu waktu ketika matahari naik sepenggalah, dan Allah SWT bersumpah dengannya.
- 2- Mengingatkan manusia tentang larangan menghina anak yatim dan menghargai orang yang meminta-minta. Nabi kita Muhammad SAW pun seorang anak yatim dan dari kalangan orang miskin.
- 3- Memerintahkan manusia untuk bersyukur terhadap nikmat Allah SWT.

4.2 MAKNA IJMALI BAGI SURAH AL-DHUHA



Ayat 1-2

Demi waktu dhuha dan demi waktu malam apabila telah sunyi

Ayat 3

Bahawa Tuhanmu (Nabi Muhammad) tidak meninggalkan dan tidak (pula) membencimu.

Ayat 4

Dan Sungguh, akhirat itu lebih baik bagimu daripada yang permulaannya (dunia).

Ayat 5

Dan Sungguh, kelak (di akhirat nanti) Tuhanmu pasti memberikan kurnia-Nya kepadamu sehingga engkau redha dan berpuas hati.

Ayat 6

Bukankah Dia mendapatimu sebagai seorang yatim piatu, lalu Dia melindungi(-mu)

Ayat 7

Dan Dia mendapatimu sebagai seorang yang tidak tahu (tentang syariat), lalu Dia memberimu petunjuk (wahyu).

Ayat 8

Dan Dia mendapatimu sebagai seorang yang miskin, lalu Dia memberimu kekayaan.

Ayat 9

Adapun Terhadap anak yatim, janganlah engkau berlaku kasar terhadapnya

Ayat 10

Adapun Terhadap orang yang meminta-minta, janganlah engkau mengherdik

Ayat 11

Adapun Terhadap nikmat Tuhanmu, maka hendaklah sebut-sebutkan sebagai menzahirkan (kesyukuran).

4.3 RAHSIA SUMPAH ALLAH SWT DENGAN MASA DALAM SURAH AL-DHUHA

Makna *dhuha*

Dhuha (ضحى) ialah cahaya apabila naik atau terbit matahari (Ibnu Arabi 1957: 408) menurut imam Al-Baghawi (1989: 454) menjelaskan bahawa berkata al-Qatadah dan Makatil makna waktu *dhuha* ialah *saat* yang padanya terangkat matahari. Kesederhanaan hari antara panas dan sejuk, musim panas dan musim sejuk. Berbeza dengan Imam al-Baidhawi (t.t) yang menjelaskan bahawa waktu *dhuha* ialah waktu terbit matahari dan di khususkannya kerana padanya Nabi Musa 'alaihissalam bemunajat dengan Allah SWT . FirmanNya:

أَوَامِنَ أَهْلِ الْقُرَىٰ أَلَّا يَأْتِيَهُم بَأْسُنَا ضُحًى وَهُمْ يُلْعَبُونَ

Maksudnya:

Atau apakah penduduk negeri itu merasa aman dari siksaan Kami yang datang pada pagi hari ketika mereka sedang bermain? (Surah Al-A'raf: 98)

Manakala Imam Muḥammad Ibn Jarir Ibn Yazid al-Ṭabari (t.t) berpendapat bahawa *qasam* atau sumpah Allah SWT dengan waktu *dhuha* iaitu waktu siang sekeliannya. Dan menurut Muhammad at-Tohir Ibnu Asyur (t.t.) *dhuha* adalah waktu terbitnya cahaya matahari, yang merupakan kiasan untuk menggambarkan turunnya wahyu dan berlakunya petunjuk olehnya, dan malam adalah waktu Rasulullah membaca al-Quran. Dan berkata, [Syeikh Tantawi Jauhari](#) (t.t.) bahawa Allah SWT *qasam* dan sumpah dengan waktu *dhuha* ialah waktu ketinggian matahari antara matahari terbit dan terbenam, apabila cuaca sederhana pada musim panas atau

musim sejuk. Menurut Omar bin Ali bin Adel (1998) berpendapat bahawa sumpah dengan waktu *dhuha* ialah waktu itu sendiri. Ia adalah saat di mana ahli sihir itu tersungkur dalam sujud. Waktu *dhuha* adalah cahaya bagi hati orang-orang yang mengetahui, diumpamakan seperti rupa siang, dan malam adalah umpama seperti kegelapan hati orang-orang kafir, seperti rupa malam, setengah mufassirin berpendapat bahawa *dhuha* itu ialah *Nur al Jannah* dan malam itu adalah kegelapan dalam neraka. Allah swt bersumpah dengan perkara-perkara ini.

Dapat disimpulkan bahawa Allah SWT *qasam* atau sumpah dengan masa *dhuha* itu hikmat ialah beberapa perkara yang sangat penting iaitu:

1. Waktu menyampai dakwah, doa dan pendakwah.
2. Masa itu kadang kala berubah kadang kala masa itu panjang waktu malam dan ada juga panjang waktu siang hari, demikian juga menurun wahyu untuk maslahat ummah, kadang kala Allah SWT menurunkan wahyu dan kadang kala Allah SWT menahan dengan tidak menurunkan wahyu. Firman Allah SWT

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ

Maksudnya:

Bulan Ramadan adalah (bulan) yang di dalamnya diturunkan Al-Quran, sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan-penjelasan mengenai petunjuk itu.

Kalau lihat bahawa *dhuha* adalah waktu yang tercatat di dalam al-Quran. Istimewanya waktu ini sehinggakan Allah bersumpah dengannya di dalam surah Al-Dhuha : “Demi waktu *dhuha*”. Pernahkah kita terfikir kenapa Allah bersumpah dengan waktu *dhuha*? Kenapa tidak dengan waktu-waktu yang lain? Imam Ar-Razi berkata andai Allah bersumpah dengan sesuatu, maka ia menunjukkan perkara itu adalah sangat penting.

Dhuha bermaksud ‘pagi hari’ atau ‘panas sinar hari’. Waktu inilah manusia-manusia semua berkejar-kejaran keluar untuk mencari rezeki. Namun disebalik waktu ini Allah sebenarnya menyaran untuk meninggalkan ‘kejar-kejaran’ itu dan menunaikan solat sunat Dhuha. Waktunya adalah dari matahari naik setinggi segala sehingga tergelincirnya matahari (masuk waktu Zohor). Menurut Abu Bakar Jabir Al-Jaza’iri (2003) Di sinilah solat Dhuha berlangsung.

Solat sunat Dhuha adalah solat bagi orang-orang yang mahu ‘kembali’. Kembali ke mana? Rasulullah S.A.W pernah bersabda yang bermaksud :

Solat Dhuha itu adalah (solatul awwabin) solat orang yang kembali kepada Allah, setelah orang mulai lupa dan sibuk bekerja, iaitu pada waktu anak-anak unta mula bangun kerana mulai panas tempat pembaringannya.” (HR Muslim)

Menurut Syekh Khatib Syarbini (1415) Solat Dhuha yang paling sedikit dua rakaat dan paling banyak lapan rakaat, sebagaimana, dan sebut dalam kitab al-Minhaj sebanyak-banyak adalah dua belas rakaat.

Hikmat solat Dhuha sebagaimana di bawah;

1. Dicapukkan Rezeki.

Allah S.W.T menjamin rezeki yang cukup kepada hambanya yang mempunyai masa untuk solat Dhuha.

عن نعيم بن همار قال سمعت رسول الله صلى الله عليه و سلم يقول " يقول الله عزوجل يا ابن آدم لاتعجزني من أربع ركعات في أول نهارك أكفك آخره"

Maksudnya:

Diriwayatkan daripada Nu'aim bin Hammar bahawa ia berkata, "Aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda; Allah berfirman, 'Wahai anak Adam, janganlah kamu berasa lemah untuk beribadah kepada-Ku dengan cara mengerjakan solat empat rakaat di awal waktu siangmu, nescaya akan Aku cukupkan untukmu di akhir harimu.'" (Hadis Riwayat Abu Dawud.t.t)

3. Membina istana dan rumah di Syurga.

عن أنس بن مالك قال : قال رسول الله صلى الله عليه و سلم من صلى الضحى ثنتي عشرة ركعة بنى الله قصرا من ذهب في الجنة

Maksudnya:

Barangsiapa yang shalat Dhuha 12 rakaat, Allah buatkan baginya satu istana di surge (hadis Riwayat tarmizi t.t)

4. Ketenangan Jiwa.

Faqih Purnomosidi (2020) dalam kajiannya terdapat bahawa kesan solat Dhuha terhadap ketenangan jiwa dikalangan pelajar, dinyatakan bahawa 73.3% ketenangan pelajar diklasifikasikan sebagai baik.

5. Memenuhi sedekah bagi *ruas tulang* manusia.

Setiap manusia mempunyai badan dalamnya mempunyai *ruas tulang* maka *ruas tulang* itu memita sedekah atau meminta rezeki. Oleh itu nak melepaskan dari perkara itu memadai dengan solat Dhuha 2 rakaat sebagaimana Sabda Nabi SAW:

عَبْدُ اللَّهِ بْنُ بُرَيْدَةَ قَالَ سَمِعْتُ أَبِي بُرَيْدَةَ يَقُولُ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- يَقُولُ « فِي الْإِنْسَانِ ثَلَاثُمِائَةٍ وَسِتُّونَ مَفْصَلًا فَعَلَيْهِ أَنْ يَتَصَدَّقَ عَنْ كُلِّ مَفْصَلٍ مِنْهُ بِصَدَقَةٍ.

Maksudnya:

Dari Abdullah bin Buraidah radhiyallahu ‘anhu, bahwa Rasulullah shallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda Dalam diri manusia terdapat 360 ruas tulang, wajib bagi semua orang untuk mersedekahi setiap ruas tulangnya. Para sahabat bertanya: “Siapakah yang mampu melakukan hal itu, wahai Nabi Allah?” Beliau bersabda: “Menutupi ludah di masjid dengan tanah, menyingkirkan sesuatu dari jalan bernilai sedekah. (hadis Riwayat Abu Dawud.t.t).

5.KESIMPULAN

Hasil kajian diatas mendapati bahawa “sumpah” dalam Al-Quran selain daripada aspek penyesuaian bahasa al-Quran dengan budaya dan kesusasteraan Arab pada masa itu, ia juga adalah ungkapan penegasan percakapan ke atas sesuatu perkara. Masa atau waktu itu adalah sangat penting lebih-lebih lagi masa muda, sihat dan lain-lain. Allah SWT bersumpah dengan waktu *dhuha* itu sangat penting kerana waktu itu waktu terbit matahari yang mana manusia sedang lalai terhadap Allah SWT. Masing-masing keluar mencari rezeki. “Masa” atau waktu itu selalu berubah-ubah, kadang kala masa itu panjang waktu malam dan ada juga panjang waktu siang hari, demikian juga menurun wahyu untuk maslahat ummah, kadang kala Allah SWT menurunkan wahyu dan kadang kala Allah SWT menahan dengan tidak menurunkan wahyu. Selain itu, di waktu *dhuha* juga digalakkan untuk berbuat ibadah solat Dhuha. Dengan mengamalkannya ada banyak faedah yang akan diperolehi seperti solat Dhuha mampu memberi ketenangan jiwa kepada seseorang, mendatangkan rezeki, membina istana dalam syurga dan dengan solat dhuha juga dapat memberi sedekah kepada *360 ruas tulang dengan hanya dua rakaat solat. Oleh itu masyarakat patut menghayati perkara tersebut supaya memperolehi kejayaan di dunia dan akhirat dan juga supaya manusia sentiasa mengingati Allah SWT setiap masa dan keadaan.*

RUJUKAN

- Abdulloh Salaeh, Amran Abdul Halim. (2019). Pentafsiran Surah Al-Asr : Sumpah Dengan Masa Dan Konsepnya, Nida al Quran, Jurnal Pengkajian Islam, Sekolah Tinggi Agama Islam Pengembangan Ilmu Al-Quran Sumatera Barat.
- Abu al-Husain Ahmad Ibnu Faris Zakaria. (1991). Mu'jam Maqayis al-Lughah, Darul-Jail.
- Abu Bakar Jabir Al-Jaza'iri (2003) Aisar Al At-Tafasir, maktabah al ulum walhakam. al-Mamlaka al-‘Arabiyya.
- Abu Dawud Sulayman bin al-As'ath bin Ishak bin Basyir bin Syadad bin 'Amru bin 'Imran al-Azdi al-Sijistani (t.t) ,Sunan Abu Dawud, Dar al fikri.
- Abu Hafas Omar bin Ali bin Adel Sirajuddin (1998). Lubab Fi Ulum Al-Kitab, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut.

Abu Muhammad al-Husayn Ibnu Mas'ud al-Baghawi (1989) *Ma'alimut Tanzil*, Daru taiyibah. Al riyad.

Ahmad b. 'Umar al-Shatiri. (t.t). *al-Yaqut al-Nafis fi Madhab Ibn Idris*.

Anas Mohd Yunus, Mohd Rahim Ariffin, Mohd Shafle Hamzah (2009) Ciri-ciri Motivasi dalam surah al-Mukminun ayat 1-11, *Jurnal Islam dan masyarakat Kontemporrari*, Unisza.

Fairuzabadi. (t.t). *Al-Qamus Al-Muhit*, fasal khaf, bab mim. T.t.

Helmun Jamil (2022) Corak Linguistik As-Shabuni dalam Kitab *Safwat al-Tafasir: Studi Aspek Balaghah pada Penafsiran Surah Ad-Dhuha* *Jurnal Pendidikan Bahasa Arab dan Budaya Islam*.

Ilma Amalia, Izzah Faizah Siti Rusydati, Maya Herawaty, (2023) Penggunaan Sumpah Allah Swt Dengan Dzat-Nya Dan Makhhluk-Nya Dalam Al-Quran, *al-Munir: Jurnal Ilmu Al-Quran dan Tafsir*.

Jalal al-Din al-Suyuti, Jalalu-Din Al Mahalli (t.t) *Tafsir Jalalain*, daru al hadis al-Qahirah.

Muhamad bin Abdullah Ibnu Arabi (1957) *Ahkamul Quran*, Dar Ihyat Al Kutub Al Arab.

Muhammad Bin Abi Bakr Al-Razi.(1995). *Mukhtar al-Sahah*, Beirut.

Muhammad bin Jarir al-Tabari (t.t) *Tarikh al-Umam wa al-Muluk*, Beirut, Daru Al Qalam.

Muhammad Khatib Syarbini (1415) *Al-Iqna' Fi Hall Alfazh Abi Syuja'*, Dar Al Fikri, Beirut.

Nurul Huda (2022) Kaidah Dan Faidah Al-Qasam (Sumpah) Dalam Al-Quran, *Jurnal Aksioma Al-Asas : Jurnal Pendidikan Islam Anak Usia Dini*.

Shandyiani Mahendran1 dll (2022) Penggunaan Halangan dalam Meningkatkan Teknik Lompat Jauh Murid Tahun Lima, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*.

Wahbah Mustafa al-Zuhaili (1418) *al-Tafsir al-Munir*, Dar al-Fikri al-Masir, Beirut.